



**KUALA LUMPUR  
CONVENTION CENTRE**

## **PRIVACY NOTICE**

### **Our commitment to your privacy**

This Privacy Notice outlines how Kuala Lumpur Convention Centre collects, uses, processes, maintains and discloses your personal data in respect of how Kuala Lumpur Convention Centre safeguards the personal data in compliance with the Personal Data Protection Act 2010 (Act 709).

"We" in this notice refers to Kuala Lumpur Convention Centre.

### **Your consent is important**

When you request information or use our facilities for your event or other services, you may be required to provide Kuala Lumpur Convention Centre with your personal data. In doing so, you consent to its use and to be processed by Kuala Lumpur Convention Centre in accordance with this Privacy Notice.

### **What types of personal data do we collect?**

Personal data refers to any information that relates directly or indirectly to an individual, who is identified or identifiable from that information or from that and other information in the possession of Kuala Lumpur Convention Centre, including any sensitive personal data.

The types of personal data we collect may include, but is not limited to your name, address, other contact details, occupation, financial information, particulars of your identity card or passport and credit history and transaction history.

The personal data we collect can be either obligatory or voluntary. Obligatory personal data are those that we require in order to provide you with our services. If you do not provide us with obligatory personal data, we would not be able to provide you with our services. Voluntary personal data are those that are not mandatory in order for us to provide you with our services. If you do not provide us with voluntary personal data, you can still make an enquiry on our services.

Obligatory and voluntary personal data differ for each services and will be indicated in the enquiry forms.

### **How do we collect your personal data?**

We obtain your personal data in various ways, such as:

- When you contact Kuala Lumpur Convention Centre through various methods such as enquiry forms, event evaluation form, emails and letters, telephone calls and conversations you have with our staff at our Centre
- When you make an enquiry for events with us on our website
- When you use our facilities as our clients or guests
- We may also obtain your personal data when you participate in clients surveys
- When you attend events at the Centre

- When you grant us permission to publicise your event
- When you grant us permission to use you as a referral/provide your testimonial or your photos and/or video footage
- We may also have acquired your personal information from third-parties such as business acquaintances and clients, suppliers, service providers, professional advisors, financial and legal representatives, industry or related associations, credit bureaus or credit finance agencies, social network and/or other organisations.

### **What is the purpose of processing your personal data?**

We may process your personal data for the following reasons:

- For billing and financial purposes including payment of the Centre's services and all related transactions, accounting and tax;
- For administrative purposes;
- For contract purposes;
- To respond to your enquiries;
- Ensure updated and management of the Centre's records;
- Assessment and analysis, including credit/lending/insurance risks, market and product analysis and market research (if relevant);
- Maintenance of your credit history for present and future references (if relevant);
- To meet legal and statutory requirements;
- General operation of the services provided;
- Provide you with regular communications, including direct marketing items, relating to the Centre's products and services;
- Investigate complaints regarding the Centre's products, services and personnel.

In addition, we may also use your personal data for the fulfilment of any regulatory requirements and for any other reasons connected with providing you the services you require.

### **To whom do we disclose your personal data / sensitive personal data?**

Your personal data and sensitive personal data held by us shall be kept confidential. However, in order to provide you with effective and continuous products and services and to comply with any legal and regulatory requirements, we may need to disclose your personal data to the following third-parties for the reasons stated above:

- Our agents and service providers (including those located overseas) in relation to the services for which the data is collected;
- Third-parties (including those located overseas) who provide data processing services;
- Where delay or default of payment has occurred, to our appointed lawyers, credit-reporting agencies, as relevant; and
- Any person assigned to attain and keep such data confidential.

We may also disclose the personal data if required to do so by law or in good faith in order to comply with the requirements of any law enforcement agency, court order or legal process or, to protect and defend the rights or property of the Centre and our personnel.

The disclosure of your data may involve the transfer of your personal data to places outside of Malaysia, and by providing us your personal data you agree to such a transfer where it is required to provide you the services you have requested, and for the performance of any contractual obligations you have with Kuala Lumpur Convention Centre including for storage purposes.

Disclosure of sensitive personal data will not be undertaken unless your explicit consent is obtained prior to the disclosure.

#### **How do we protect your data?**

The security of your personal data and sensitive personal data is our priority. Kuala Lumpur Convention Centre takes all physical, technical and organisational measures needed to ensure the security and confidentiality of personal data. If we disclose any of your personal data to any third-parties or service providers, we will require them to appropriately safeguard the personal data provided to them.

#### **How long may we retain your personal data?**

We will only retain your personal data for as long as necessary to fulfil the purpose(s) for which it was collected or to comply with legal, regulatory and internal requirements in any event not more than eight (8) years. Afterwards we will destruct or permanently delete your data.

#### **How can you access / correct / update your personal data?**

We are committed to ensure that the personal data we hold about you is accurate, complete, not misleading and up-to-date. If there are any changes to your personal data or if you believe that the personal data we have about you is inaccurate, incomplete, misleading or not up-to-date, please contact us in writing so that we may take steps to update your personal data.

You have the right to access your personal data. If you would like to request access to your personal data, please contact us. We may also take steps to verify your identity before fulfilling your request for access to your personal data.

You have the right to withdraw your consent for receiving marketing or promotional materials/communications and you may inform us through the contact details found below. Please be aware that once we receive confirmation that you wish to withdraw your consent for marketing or promotional materials/communication, it may take up to twenty one (21) days for your withdrawal to be reflected in our systems. Therefore, you may still receive marketing or promotional materials/communication during this period of time. Please note that even if you opt out from receiving marketing or promotional materials, Kuala Lumpur Convention Centre, may still contact you for other purposes in relation to services we provide for you at Kuala Lumpur Convention Centre.

#### **Changes to this Privacy Notice**

Please note that we may update this Privacy Notice from time to time. If there are material changes to this Privacy Notice, we will notify you by posting a notice of such changes on our website. Do periodically review this Privacy Notice to stay informed on how we are protecting your information.

We provide the Privacy Notice in both English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version of this Privacy Notice, the English version shall prevail.

If you have any questions or concerns with respect to your personal data, you may contact us by email at [PDPA.enquiry@klccconventioncentre.com](mailto:PDPA.enquiry@klccconventioncentre.com) or [GM@klccconventioncentre.com](mailto:GM@klccconventioncentre.com)

However, if you wish to access or correct your personal data information, limit or withdraw to the Centre processing your personal data, please inform us in writing and send your letter to Office of the General Manager, Convex Malaysia Sdn Bhd, Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur.

This Privacy Notice is as of 1 February 2014.

We trust you agree and consent to the above-mentioned conditions in the processing of your personal data.



**KUALA LUMPUR  
CONVENTION CENTRE**

## NOTIS PRIVASI

### Komitmen Kami Terhadap Privasi Anda

Notis Privasi ini menyatakan bagaimana Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mengumpul, mengguna, memproses, menyimpan serta berkongsi data peribadi anda secara berhemah dan pada masa yang sama memastikan data peribadi anda dilindungi bagi pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

"Kami" dalam notis ini merujuk kepada Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

### Persetujuan Anda Penting

Apabila anda membuat pertanyaan atau menggunakan kemudahan dan perkhidmatan Pusat Konvensyen kami untuk majlis anda, anda perlu memberikan data peribadi anda kepada kami. Pemberian data peribadi anda bermaksud anda bersetuju membenarkan kami untuk menggunakan atau memproses maklumat tersebut berdasarkan garis panduan yang tertera dalam Notis Privasi ini.

### Jenis Data Peribadi Yang Diperolehi

Data peribadi merujuk kepada informasi yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seseorang individu, yang boleh dikenal pasti dari informasi tersebut atau informasi lain yang berada dalam simpanan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Antara jenis maklumat yang diperolehi tidak terhad dan termasuk; nama, alamat, nombor untuk dihubungi, pekerjaan, informasi lain seperti maklumat kewangan, nombor kad pengenalan atau passport, sejarah kredit dan sejarah transaksi.

Terdapat dua kategori data peribadi iaitu maklumat yang diberi kerana wajib dan maklumat tambahan yang diberi secara sukarela. Data peribadi yang wajib diberikan adalah untuk memastikan kami boleh

memberi maklumat mengenai perkhidmatan kami. Tanpa data peribadi anda, kami tidak dapat menyampaikan sebarang maklumat mengenai perkhidmatan kami kepada anda. Data peribadi yang diberi secara sukarela adalah maklumat bukan wajib yang diberikan kepada kami untuk membolehkan kami memberikan perkhidmatan kami kepada anda. Data peribadi wajib dan sukarela berbeza untuk setiap perkhidmatan serta dinyatakan dalam borang pertanyaan.

### Cara Data Peribadi Diperolehi

Kami mengumpul data peribadi anda dengan pelbagai cara, seperti:

- Apabila anda menghubungi Pusat Konvensyen Kuala Lumpur menerusi pelbagai saluran seperti borang pertanyaan, borang penilaian acara, e-mel dan surat, panggilan telefon dan perbualan anda dengan kakitangan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.
- Apabila anda membuat pertanyaan tentang acara di laman web kami.
- Apabila anda menggunakan kemudahan kami sebagai pelanggan atau tetamu kami.
- Kami juga boleh mendapatkan data peribadi anda apabila anda menyertai tinjau selidik pelanggan.
- Apabila anda menghadiri acara di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

- Apabila anda memberi kebenaran kepada kami untuk menghebahkan acara anda.
- Apabila anda memberi kebenaran kepada kami untuk menggunakan anda sebagai rujukan/memberikan testimonial atau gambar atau sedutan video anda.
- Kami juga mungkin mendapatkan maklumat peribadi anda daripada pihak ketiga seperti rakan perniagaan dan pelanggan, pembekal, penyedia perkhidmatan, penasihat profesional, wakil kewangan dan undang-undang, persatuan industri atau persatuan berkaitan, biro kredit atau agensi pembiayaan kredit, rangkaian sosial dan/atau organisasi lain.

### Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

Kami mungkin memproses data peribadi anda untuk tujuan berikut:

- Untuk tujuan urusan bil dan kewangan termasuk pembayaran bagi perkhidmatan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan semua urusan niaga, perakaunan dan cukai yang berkaitan;
- Untuk tujuan pentadbiran;
- Untuk tujuan kontrak;
- Untuk menjawab pertanyaan anda;
- Memastikan rekod Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dikemas kini dan diuruskan dengan baik;
- Penilaian dan analisis, termasuk risiko kredit/pinjaman/insurans, analisis pasaran dan produk dan penyelidikan pasaran (jika berkenaan);
- Menyelenggarakan sejarah kredit anda untuk rujukan masa kini dan masa depan (jika berkenaan);
- Untuk memenuhi keperluan perundangan dan berkanun;
- Pengendalian am perkhidmatan yang diberikan;
- Berhubung dengan anda dari masa ke masa, termasuk bahan pemasaran langsung, berkenaan dengan perkhidmatan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur;
- Menyiasat aduan berkaitan perkhidmatan dan kakitangan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Di samping itu, kami mungkin menggunakan data peribadi anda untuk memenuhi sebarang keperluan berkanun dan apa jua sebab berhubung dengan penyediaan perkhidmatan yang anda perlukan.

### Perkongsian Data Peribadi/Data Peribadi Sensitif

Data peribadi/data peribadi sensitif anda akan disimpan secara sulit. Namu demikian, bagi membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang berkesan dan mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga berikut atas sebab yang dinyatakan di atas:

- Ejen dan penyedia perkhidmatan kami (termasuk yang berada di luar negara) berhubung dengan perkhidmatan di mana data tersebut dikumpulkan;
- Pihak ketiga (termasuk yang berada di luar negara) yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data;
- Apabila kelewatan atau kegagalan pembayaran telah berlaku, kepada peguam yang kami lantik, agensi pelaporan kredit, yang mana berkenaan; dan
- Mana-mana pihak yang menerima hak untuk mendapatkan dan mengekalkan kerahsiaan data tersebut.

Kami juga boleh mendedahkan data peribadi jika diperlukan berbuat demikian di bawah undang-undang atau dengan niat baik untuk mematuhi keperluan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah, atau proses perundangan, atau untuk melindungi dan mempertahankan hak atau harta benda Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan kakitangan kami.

Perkongsian data peribadi anda turut meliputi perpindahan maklumat ke luar negara jika perkhidmatan yang diminta oleh anda memerlukan kami untuk melakukannya. Kami juga berhak untuk memindahkan data peribadi anda ke luar negara untuk tujuan penyimpanan data.

Perkongsian data peribadi sensitif hanya akan dilakukan setelah persetujuan didapati daripada anda.

### **Bagaimana kami melindungi data peribadi anda**

Kami amat mengutamakan keselamatan data peribadi anda. Kami akan mengambil segala tindakan dari segi fizikal, teknikal dan organisasi untuk memberi jaminan bahawa data peribadi anda selamat dan sulit. Sekiranya kami perlu memberikan data peribadi anda kepada mana-mana agen yang diberi kuasa oleh kami, kami akan memastikan data peribadi anda dijamin selamat dan sulit oleh pihak tersebut.

### **Tempoh Data Peribadi Disimpan Dalam Pangkalan Data**

Kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tujuan undang-undang, peraturan dan keperluan kami selama lapan (8) tahun. Selepas tempoh lapan (8) tahun, data peribadi anda akan dimusnahkan.

### **Cara-cara Untuk Mengakses, Membetulkan dan Mengemaskinikan Data Peribadi**

Komitmen kami adalah memastikan data peribadi anda tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau pembetulan yang perlu dibuat, sila hantarkan permintaan secara bertulis kepada kami bagi membolehkan kami mengemaskini data peribadi anda.

Anda juga berhak mengakses data peribadi anda. Jika anda perlu mengaksesnya, sila hubungi kami. Untuk tujuan pengesahan apabila anda menghubungi kami untuk tujuan pembetulan atau kemas kini, kami akan mengakses data peribadi anda dalam pangkalan data kami.

Anda juga berhak untuk tidak mahu terus menerima sebarang maklumat mengenai perkhidmatan kami dan anda perlu memaklumkan kepada kami secara bertulis bahawa anda ingin menarik balik kebenaran yang diberikan. Anda boleh memaklumkan kepada kami di alamat yang tertera di bawah. Kami akan mengeluarkan data peribadi anda dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas menerima notis bertulis anda.

Justeru itu, anda mungkin akan masih menerima maklumat mengenai promosi atau aktiviti pemasaran kami dalam tempoh tersebut. Walaupun anda meminta kami mengeluarkan data peribadi anda dari pangkalan data kami agar anda tidak lagi menerima maklumat mengenai promosi atau aktiviti pemasaran kami, kami masih boleh menghubungi anda sekiranya terdapat sebarang hal berkaitan kemudahan atau perkhidmatan yang telah anda langgani.

### **Perubahan Kepada Notis Privasi Ini**

Perhatian bahawa kami boleh mengemaskinikan Notis Privasi ini dari masa ke masa. Jika terdapat sebarang perubahan penting kepada Notis Privasi, kami akan memaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis tentang perubahan tersebut di laman web kami. Sila baca Notis Privasi ini dari masa ke masa untuk mengetahui cara kami melindungi maklumat anda.

Kami menyediakan Notis Privasi ini dalam Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Sekiranya anda ingin mengakses atau membetulkan maklumat data peribadi anda, atau jika anda mempunyai apa-apa soalan atau kemusykilan berkaitan dengan data peribadi anda, anda boleh menghubungi kami menerusi e-mel di [PDPA.enquiry@klccconventioncentre.com](mailto:PDPA.enquiry@klccconventioncentre.com) atau [GM@klccconventioncentre.com](mailto:GM@klccconventioncentre.com)

Bagaimanapun, jika anda mahu menghadkan atau menarik balik kebenaran bagi Pusat Konvensyen Kuala Lumpur untuk memproses data peribadi, sila maklumkan kami secara bertulis dan hantarkan surat anda ke Pejabat Pengurus Besar, Convex Malaysia Sdn Bhd, Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur.

Notis Privasi ini bertarikh 1 Februari 2014.

Kami harap anda memberi persetujuan dan kebenaran kepada syarat di atas dalam memproses maklumat peribadi anda.